

BAB 4:

ANALISA

HASIL KAJIAN

BAB 4:

ANALISA HASIL KAJIAN

4.1 Pengenalan

Objektif utama bab ini adalah untuk menghuraikan secara mendalam mengenai hasil soal selidik yang telah dijalankan ke atas pegawai dan kakitangan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM) yang berjumlah seramai 173 orang. Dari jumlah tersebut, seramai 120 orang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian dan kebanyakannya soalan yang diajukan kepada mereka adalah bercorak objektif dan subjektif yang menjurus kepada persepsi mereka mengenai pembangunan, peranan kerajaan di dalam pembangunan negara, cara projek pembangunan diagihkan kepada pemaju, unsur kronisme dan nepotisme di dalam pembangunan negara, maksud sebenar rasuah, punca-punca berlakunya rasuah, kaitan di antara rasuah dan pembangunan, penglibatan ahli-ahli politik di dalam perniagaan tertentu, kaedah terbaik mencegah rasuah dan akhirnya harapan mereka untuk melihat Malaysia bebas dari gejala rasuah menjelang tahun 2020. Perkara-perkara ini diterangkan secara mendalam di perenggan 4.3 manakala borang soal selidik adalah seperti di **Lampiran A**.

Selain itu, bagi menguatkan lagi objektif kertas kajian ini, dua orang pegawai kanan kerajaan dari Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan juga Unit Perancang Ekonomi (EPU), di Jabatan Perdana Menteri telah ditemubual untuk mendapatkan gambaran secara jelas mengenai kaitan di antara pembangunan dan rasuah di Malaysia serta sejauh mana campur tangan kerajaan di dalam pembangunan telah menyebabkan berlakunya rasuah. Penerangan mereka adalah berdasarkan kepada pengalaman bekerja mereka di Jabatan atau Badan tersebut khasnya dan sebagai penjawat awam amnya sebagaimana yang ditunjukkan di perenggan 4.3 Soalan-soalan semasa sesi wawancara tersebut adalah seperti di **Lampiran B** dan **C**.

Di samping itu, temubual juga telah dijalankan dengan Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan pandangan secara jelas dari beliau mengenai istilah sebenar rasuah, kronisme, nepotisme, *political business* ataupun *political patronage* dan politik wang, keberkesanannya Akta Pencegahan Rasuah, tahap penguatkuasaan Akta tersebut oleh BPR, cara pengendalian kes-kes rasuah, peranan Peguam Negara khasnya dalam kes-kes rasuah dan juga perancangan akan datang kerajaan di dalam menangani gejala rasuah di negara ini secara keseluruhannya. Penerangan beliau ditunjukkan dengan jelas di perenggan 4.3 berdasarkan kepada soalan yang telah disenaraikan di **Lampiran D**.

4.2 Profail Responden

Sebanyak 173 borang soal selidik telah diedarkan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM) di Wisma Damansara, Kuala Lumpur mulai dari 11 hingga 25 April 2003. Dari jumlah tersebut, seramai 120 orang daripada mereka telah dipilih secara rawak sebagai sampel bagi kertas kajian ini. Mereka terdiri daripada 59 orang lelaki (49.2%) dan 61 orang wanita (50.8%). Maklumat-maklumat yang lain mengenai mereka adalah seperti di jadual-jadual berikut:

Tempoh Perkhidmatan Di KTKM	Jumlah	%
kurang dari 3 tahun	65 orang	54.2
4 –6 tahun perkhidmatan	26 orang	21.7
7 – 9 tahun perkhidmatan	15 orang	12.5
10 –12 tahun perkhidmatan	7 orang	5.8
13 –15 tahun perkhidmatan	2 orang	1.7
lebih 15 tahun perkhidmatan	5 orang	4.2

Peringkat Gaji Yang Diterima	Jumlah	%
kurang dari RM1,000	26 orang	21.7
RM1,000 – 2,000	42 orang	35
RM2,000 – 3,000	15 orang	12.5
RM3,000 – 4,000	8 orang	6.7
lebih RM4,000	29 orang	24.2

Peringkat Perjawatan	Jumlah	%
Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Jusa)	2 orang	1.7
Kumpulan Pengurusan (Kumpulan A)	52 orang	43.3
Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B)	24 orang	20
Kumpulan Sokongan II (Kumpulan C danD)	42 orang	35

Peringkat Umur	Jumlah	%
kurang 20 tahun	2 orang	1.7
21 – 25 tahun	20 orang	16.7
26 – 30 tahun	21 orang	17.5
31 – 35 tahun	12 orang	10

Peringkat Umur	Jumlah	%
36 – 40 tahun	7 orang	5.8
lebih 40 tahun	58 orang	48.3

Dari profail responden di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan penjawat awam yang berumur lebih 40 tahun biasanya telah berkhidmat dengan kerajaan lebih dari 15 tahun (bukan di KTKM sahaja). Ini bermakna, 48.3% responden yang berumur lebih dari 40 tahun di dalam kajian ini merupakan mereka yang berpengalaman luas di dalam perkhidmatan awam dan ini bermakna jawapan yang diberikan kepada soal selidik tersebut merupakan jawapan yang tinggi kualitinya serta boleh dipercayai. Di samping itu, kebanyakan dari mereka juga terdiri daripada Kumpulan Pengurusan (43.3%), manakala peringkat gaji RM1,000 – 2,000 adalah yang terbanyak diterima maklumbalas (35%) dan dikuti dengan mereka yang bergaji lebih RM4,000 (24.2%). Ini menunjukkan bahawa, walaupun kebanyakan dari responden telah berkhidmat dengan KTKM kurang dari 3 tahun (54.2%), tetapi mereka kebanyakannya adalah penjawat awam yang berpengalaman luas kerana kebanyakan dari mereka yang berumur lebih 40 tahun selalunya telah berkhidmat dengan lebih dari satu Kementerian atau Jabatan Kerajaan.

4.3 Analisa Hasil Kajian

Analisa dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

I. Dasar Pembangunan Negara

Dari soal selidik yang dibuat, 97.5% responden berpendapat bahawa pembangunan merupakan satu cara untuk mengubah kehidupan manusia agar menjadi lebih baik lagi kerana bagi mereka pembangunan merupakan alat kepada proses pemodenan tamadun manusia dan sekiranya tiada pembangunan

maka kehidupan manusia akan menjadi mundur. Manakala 2.5% responden yang lain berpendapat bahawa pembangunan boleh mengubah kehidupan manusia sama ada menjadi baik atau sebaliknya kerana ianya bergantung kepada bentuk pembangunan sama ada pembangunan berbentuk kerohanian ataupun berbentuk material (kebendaan).

Zulkifli Yaacob (6/3/2003) menyatakan bahawa, di peringkat awal pembangunan negara Malaysia iaitu selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, kebanyakan orang Melayu dikatakan masih lagi tidak mahukan perubahan pada masa itu. Bagi mereka, bidang pertanian baru seperti perladangan, perusahaan perlombongan bijih timah serta perniagaan secara kecil-kecilan mahupun komersil amat tinggi risikonya dan mereka tidak berani menerima kegagalan. Akibatnya, ekonomi negara pada masa itu (selepas merdeka) dikuasai oleh para usahawan atau tokoh-tokoh korporat berbangsa Cina sebanyak 30%, kapitalis British (60%) manakala orang Melayu hanya sebanyak 2% sahaja. Begitu jauh jurang orang Melayu ditinggalkan. Keadaan ini seolah-olah menggambarkan betapa orang Melayu pada masa itu sanggup menumpang di tanahair sendiri. Perkara inilah yang amat merisaukan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, Tunku Abdul Rahman di mana beliau merasakan bahawa ketidakseimbangan pegangan ekonomi negara masih berlaku dan agak sukar dikikis dalam masa yang singkat akibat dari dasar pecah dan perintah yang dibawa oleh British ke Tanah Melayu.

Kerisauan Tunku Abdul Rahman ini menjadi kenyataan apabila tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969. Rentetan dari peristiwa berdarah inilah maka Y.A.B. Tun Abdul Razak mengambil alih tumpuk pemerintahan dan seterusnya memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi tempoh 20 tahun (1970 hingga 1990) dengan tujuan untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat agar tidak dikenali berdasarkan fungsi ekonomi masing-masing (orang Melayu di kampung-kampung, orang India di estet-estet manakala orang Cina menjalankan perniagaan di bandar-bandar).

Bagi Zulkifli Yaacob (6/3/2003), fokus utama DEB ialah untuk menaikkan lagi taraf hidup serta pegangan ekonomi orang-orang Melayu di dalam negara bagi membolehkan mereka lebih maju serta berdaya saing dengan bangsa lain khasnya orang Cina. Orang Melayu perlu ingat bahawa penguasaan ekonomi mereka hanyalah sekitar 2% sahaja berbanding orang Cina sebanyak 30%. Oleh itu, apakah usaha yang perlu dilakukan oleh Kerajaan bagi membolehkan orang Melayu "mengejar" orang Cina yang sudah terkedepan daripada mereka? Inilah antara persoalan yang begitu sukar untuk ditangani memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk dan segala keputusan Kerajaan perlulah mendapat persetujuan daripada wakil-wakil mereka di Parlimen mahupun di dalam Barisan Nasional sendiri bagi mengelakkan dari berlakunya lagi peristiwa 13 Mei 1969. Alhamdulillah katanya, Y.A.B. Tun Abdul Razak telah berjaya memujuk parti komponen Barisan Nasional (MIC, MCA dan UMNO) agar bertolak-ansur serta menerima "keistimewaan" atau "*positive discrimination*" yang dianugerahkan oleh Kerajaan kepada orang Melayu serta Bumiputera yang lain agar mereka juga dapat bersama-sama memberikan sumbangan kepada kemajuan pembangunan negara Malaysia.

ii. Peranan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Negara

Kesemua 120 orang responden bersetuju bahawa, di antara peranan kerajaan di dalam pembangunan negara adalah meliputi soal perancangan polisi pembangunan negara, penyediaan peruntukan pembangunan negara, pemantauan projek pembangunan negara, penilaian projek pembangunan negara dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan negara secara keseluruhannya.

Menurut Zulkifli Yaacob (6/3/2003), di Malaysia, sejak merdeka lagi, golongan Melayu dan Bumiputera merupakan golongan yang tertinggal jauh di belakang dari segi penguasaan ekonomi negara berbanding dengan bangsa Cina. Justeru itu, Kerajaan di bawah kepimpinan Y.A.B. Tun Abdul Razak pada masa itu telah

berjaya memujuk parti komponen Barisan Nasional agar bertolak-ansur serta menerima "keistimewaan" atau "*positive discrimination*" yang dianugerahkan oleh Kerajaan kepada orang Melayu serta Bumiputera yang lain. Maka dari sinilah timbulnya budaya subsidi di kalangan orang Melayu dan Bumiputera. Baik dalam apa bidang juapun, sekiranya tiada bantuan dari Kerajaan, maka alamatnya berkuburlah projek atau usaha tersebut. Misalnya keutamaan orang Melayu serta Bumiputera di bidang pelajaran (sistem kuota), dalam perkhidmatan awam, perkhidmatan kesihatan, bantuan pembangunan kampung, bantuan ternakan, bantuan baja pertanian serta penanaman semula dan sebagainya. Bantuan juga diberikan kepada orang Melayu mahupun Bumiputera yang ingin menceburkan diri di bidang perniagaan (perusahaan kecil dan sederhana). Begitu juga dalam pemberian projek-projek kerajaan, hanya kontraktor Melayu atau Bumiputera yang berpotensi sahaja yang dikenalpasti serta diberikan projek berkenaan. Bilangan mereka pada masa itu sangatlah sedikit berbanding dengan usahawan atau korporat Cina. Oleh itu, Kerajaan tiada pilihan selain memilih mereka untuk membangunkan projek Kerajaan. Di sinilah timbulnya istilah kronisme di mana mereka yang rapat dengan tokoh politik tertentu (*political patronage*) ataupun yang pro-kerajaan mempunyai kebarangkalian yang besar untuk mendapat projek Kerajaan.

Inilah antara kejayaan Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu yang telah berjaya meningkatkan lagi taraf hidup orang Melayu serta Bumiputera serta melahirkan golongan usahawan yang berjaya walaupun sasaran asal DEB tidak tercapai sepenuhnya. Di antara sebabnya ialah sikap orang Melayu sendiri yang masih lagi tidak dapat membuang sifat hasad dengki dan iri hati serta tidak dapat menerima kejayaan orang lain walaupun bangsa sendiri. Ia akan berusaha untuk menjatuhkan orang tersebut dan seterusnya memonopoli bidang perniagaan berkenaan. Ia akan berusaha memenuhi permintaan pelanggannya dan sesekali tidak akan memberikan peluang tersebut kepada rakannya yang lain. Inilah antara sikap buruk orang Melayu yang sukar untuk dihapuskan di mana sikap ini tidak terdapat di kalangan orang Cina. Orang Cina boleh berniaga barang

yang sama serta berada di deretan kedai yang sama sesama mereka selama bergenerasi lamanya berbanding dengan orang Melayu (Zulkifli Yaacob 6/3/2003).

iii. Campur Tangan Kerajaan Di Dalam Pembangunan Negara

Kesemua 120 orang responden bersetuju bahawa, bagi membangunkan negara, pelbagai insentif perlu diberikan oleh kerajaan dan di antaranya ialah: pengecualian tariff / dikenakan cukai dengan kadar tertentu; diadakan kawasan perdagangan bebas; diberikan subsidi agar industri tempatan dapat bersaing dengan industri luar negara (misalnya subsidi kepada penanam padi, dsbnya.); dikenakan sekatan perdagangan ke atas barang import (bagi membantu industri dalam negara; diadakan kawalan harga agar peniaga tidak menaikkan harga sesuka hati dan membebankan pengguna; dan dilonggarkan syarat pinjaman khasnya bagi mereka yang baru mulakan perniagaan ataupun perniagaan mereka yang terjejas teruk akibat krisis ekonomi.

90.8% dari responden tersebut bersetuju bahawa, insentif-insentif yang dinyatakan di atas adalah merupakan antara bentuk-bentuk campur tangan kerajaan di dalam pembangunan negara.

Walau bagaimanapun, 9.2% responden tidak bersetuju dengan pendapat di atas dengan menyatakan bahawa: Insentif tersebut merupakan antara tanggungjawab yang kerajaan perlu sediakan demi untuk kepentingan kemajuan negara secara keseluruhannya dan bukanlah suatu bentuk campur tangan kerajaan; ia bukannya campur tangan tetapi tanggungjawab kerajaan; ia bukannya campur tangan tetapi merupakan sumbangan dan inisiatif kerajaan di dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara; ia bertujuan untuk membangunkan negara; tiada badan lain yang diberikan tanggungjawab yang sedemikian kecuali kerajaan; ia adalah suatu strategi bagi menggalakkan sektor swasta melibatkan diri di dalam pembangunan ekonomi negara; ianya perlu bagi menyelesaikan masalah ketidakadilan pasaran atau *unbalanced market focus*; ianya merupakan

keperluan bagi mengatasi kelemahan pasaran; ia melibatkan dasar-dasar kerajaan dan bukannya campur tangan sesuka hati; ia dibuat demi untuk kepentingan pembangunan ekonomi negara dan bukannya untuk kepentingan individu tertentu; dan ia digunakan untuk mencapai objektif pembangunan negara, misalnya bantuan kerajaan kepada industri tempatan adalah semata-mata bagi membolehkan mereka bersaing dengan industri di luar negara.

Selain itu, 29.2% responden bersetuju bahawa, semakin banyak campur tangan kerajaan di dalam pembangunan, maka semakin meningkat pembangunan negara. Ini adalah kerana, bagi mereka: ketelusan di dalam pentadbiran masih lagi belum menjadi amalan di Malaysia; sebagai *policy maker*, kerajaan perlu campur tangan bagi memastikan segala dasar yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik serta mencapai matlamat yang hendak dicapai; dan dalam konteks ekonomi terbuka, perlu ada campur tangan kerajaan.

Walau bagaimanapun, 70.8% responden pula berpendapat sebaliknya iaitu: Tidak semestinya semakin banyak campur tangan kerajaan di dalam pembangunan maka semakin membangun negara tersebut; kerajaan hanya merancang tetapi pihak swasta atau agensi kerajaan yang berkaitan yang akan melaksanakannya; campur tangan bermakna adanya sekatan/peraturan; ia bergantung kepada bentuk campur tangan yang dikenakan, jika campur tangan tersebut bertujuan untuk membantu orang Melayu agar sama-sama maju dengan bangsa lain misalnya, maka ini amatlah digalakkan, tetapi jika dilakukan untuk membantu golongan Melayu tertentu, maka ini akan menyekat hak orang Melayu yang lain; lebih banyak campur tangan bermakna lebih banyak prosedur atau karenah birokrasi yang perlu dihadapi bagi menyelesaikan sesuatu urusan, dan ini akan membuka peluang kepada berlakunya rasuah; lebih banyak campur tangan juga bermakna akan melambatkan sesuatu urusan; lebih banyak campur tangan kerajaan akan menyekat inovasi kerana terlalu terikat dengan prosedur atau peraturan yang ketat; terlalu banyak campur tangan juga tidak elok sekiranya dalam masa yang sama kurangnya aktiviti pemantauan dan

penguatkuasaan dijalankan; terlalu banyak campur tangan akan membantutkan pembangunan negara (perlu lebih campur tangan dari segi peraturan dan penguatkuasaan); bukan semua urusan memerlukan campur tangan kerajaan, cukuplah kerajaan campur tangan dalam hal-hal yang tertentu sahaja misalnya yang melibatkan pelaksanaan dasar tertentu kerajaan; bukan semua campur tangan kerajaan adalah berkesan, tetapi ia merupakan suatu cara bagi mengelakkan keadaan menjadi bertambah rumit misalnya dalam hal membantu industri tempatan agar lebih berdaya saing, menyelamatkan projek atau syarikat awam tertentu yang mempunyai potensi besar ke arah menjadikan Malaysia negara maju dan sebagainya; pihak swasta juga memainkan peranan penting di dalam pembangunan negara dan jika terlalu banyak campur tangan kerajaan, maka ini akan meyekat peluang pihak swasta untuk turut sama menyumbang kepada pembangunan negara; mestilah ada *win-win situation* di mana semua pihak tidak mengira awam atau swasta turut sama terlibat di dalam pembangunan negara dan turut menikmati faedah darinya samada secara langsung atau tidak langsung; pihak swasta juga tidak boleh bergantung seratus peratus kepada kerajaan dan untuk maju ke peringkat dunia, mereka mestilah berdikari; dan pembangunan akan terbantut sekiranya kuasa meluluskan sesuatu cadangan hanya tertumpu kepada golongan tertentu sahaja.

Selain itu, 50% responden juga bersetuju bahawa, semakin banyak campur tangan kerajaan di dalam pembangunan negara, maka menyebabkan mereka perlu memberikan rasuah untuk kelulusan segera, perlu bernaung dengan tokoh politik tertentu bagi memudahkan mendapat projek dan sebagainya.

Tetapi, 50% responden yang lain tidak bersetuju dengan pendapat di atas dengan menyatakan bahawa: bukannya dasar kerajaan yang menjadi penyebab kepada berlakunya keadaan sedemikian tetapi disebabkan oleh kelemahan pengurusan di mana kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan peraturan sehingga mewujudkan peluang untuk melakukan rasuah; sikap tidak baik yang sedemikian akan mencerminkan sebuah negara yang mundur di mana pemikiran

mereka masih lagi tidak dapat menyatakan ataupun menerima bahawa rasuah (dalam apa bentuk juar sekalipun) adalah salah; setiap apa yang kita buat perlulah perancangan yang rapi dan disertai dengan usaha yang gigih untuk mendapatkannya dan bukannya secara mudah hanya dengan meraih simpati dari tokoh politik atau korporat tertentu; bagi pegawai kerajaan, mereka tidak perlukan rasuah kerana sudah menjadi tanggungjawab mereka untuk menjalankan tugas dengan baik, jujur dan amanah; aktiviti rasuah bergantung kepada kemahuan individu/sikap penerima/pemberi rasuah; rasuah berlaku bukan disebabkan oleh kerajaan tetapi oleh sifat tamak dan ingin cepat kaya golongan tertentu; sekiranya keadaan ini berlaku, maka ia akan menafikan hak orang lain yang benar-benar layak untuk menerima projek tersebut; elemen-elemen seperti sahsiah diri, kemantapan organisasi, kawalam kewangan dan pengurusan serta proses kelulusan yang terperinci dapat mengelakkan rasuah dari berlaku; rasuah adalah masalah sosial yang memberikan banyak keburukan dari kebaikan; pemimpin mestilah menunjukkan contoh yang baik dan bukannya ia sendiri yang melakukan rasuah; kerajaan telah menggariskan prosedur dan peraturan yang jelas serta telus di dalam membuat sesuatu keputusan atau meluluskan sesuatu projek; kerajaan mengamalkan sikap bersih, cekap dan amanah; tidak dinafikan terdapat kakitangan awam yang menerima rasuah tetapi tidak semuanya begitu, cuma segelintir sahaja; sebagai muslim sejati, rasuah sepatutnya tidak wujud dalam diari hidupnya; dan tidak dapat diakui sejauh mana kebenaran kenyataan di dalam soalan di atas kerana ia memerlukan bukti ataupun data tertentu yang dapat menyokongnya.

Di Malaysia, menurut Zulkifli Yaacob (6/3/2003), di antara campur tangan kerajaan selepas negara mencapai kemerdekaan ialah dengan menaiktarafkan kontraktor Kelas F pada masa itu ke Kelas A bagi membolehkan mereka melaksanakan projek yang lebih besar lagi. Dalam hal ini, unsur-unsur kronisme, *political business* mahupun *political patronage* dikatakan tidak dapat dielakkan oleh Kerajaan kerana untuk melatih orang Melayu menjadi usahawan yang berjaya memerlukan masa yang lama sedangkan bangsa Cina pada masa itu

telahpun mempunyai pengalaman yang luas di bidang perniagaan sejak sebelum merdeka lagi dan mereka juga mempunyai *networking* yang baik sesama ahli perniagaan Cina yang lain. Justeru itu, usahawan Melayu yang berpotensi itu mestilah dibantu oleh Kerajaan agar menjadi lebih maju lagi agar setanding dengan usahawan Cina. Di samping itu, sekiranya mereka menghadapi masalah di dalam membangunkan projek tertentu, maka Kerajaan perlulah *bailout* mereka agar mereka tidak berkubur begitu sahaja. Di sini pengalaman mereka yang penuh ranjau di bidang perniagaan merupakan aset yang penting serta perlu diberikan bantuan yang sewajarnya oleh Kerajaan agar mereka menjadi lebih maju lagi pada masa akan datang.

Begitulah baiknya Kerajaan yang ikhlas membantu orang Melayu dan Bumiputera pada masa itu sehingga berjaya melahirkan *Malay Middle Class* yang berjaya di bidang perniagaan serta berupaya memberikan saingan yang tidak kurang hebatnya kepada usahawan Cina pada masa itu. Hasilnya negara berjaya meningkatkan peratus pemilikan ekonomi negara di kalangan orang Melayu dari 2% selepas merdeka kepada 19% pada tahun 1990 walaupun sasaran asal DEB ialah 30%. Di samping itu, tahap kemiskinan di kalangan orang Melayu dan Bumiputera juga dapat dikurangkan dari 52% pada tahun 1970 kepada 6% pada tahun 1990 (Zulkifli Yaacob 6/3/2003).

Bagi Rais Yatim (29/4/2003), campur tangan politik atau kerajaan di dalam pembangunan ekonomi negara merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan kerana politik adalah satu sistem sosial yang menentukan sesuatu kuasa pemerintahan demi untuk kebaikan ramai. Misalnya, jika kita mengatakan bahawa politik tidak boleh campur tangan di dalam perniagaan, maka kenyataan ini adalah suatu yang salah. Ini adalah kerana bagi beliau, "*political power transgresses all area of human endeavor*". Oleh itu, sekiranya politik tidak boleh campur tangan di dalam perniagaan ataupun di dalam menentukan perniagaan, ataupun tidak boleh campur tangan di dalam pembangunan ekonomi negara, maka tidak gunalah politik tersebut. Tujuan campur tangan kerajaan misalnya di

dalam perniagaan ialah untuk mewujudkan industri, perusahaan dan sebagainya tetapi persoalannya ialah siapa yang akan menerima faedah darinya. Jika ia menggunakan faedah orang ramai demi untuk kepentingan diri sendiri ataupun keluarga, ini yang dikatakan salah.

Selain itu, bagi Rais Yatim (29/4/2003), soalan mengenai sejauh mana campur tangan kerajaan di dalam pembangunan negara telah menyebabkan berlakunya rasuah merupakan satu soalan yang terlalu am untuk dijawab dan tidak dapat ditentukan begitu sahaja. Ini adalah kerana rasuah itu hanya dilihat setelah sesuatu perbuatan berlaku dan kita tidak dapat melihat rasuah sebelum sesuatu perbuatan itu berlaku. Misalnya seorang Ketua Polis yang hanya bergaji RM5000 sebulan telah membina sebuah rumah yang bernilai hampir RM1juta tanpa pinjaman, maka ini sudah tentu dianggap sebagai satu perlakuan yang boleh disoal siasat berkaitan dengan rasuah. Tetapi kita hanya tahu perkara ini berlaku setelah melihat rumah itu dibina. Ini menunjukkan terdapat kelemahan di dalam undang-undang anti rasuah iaitu kita jarang menggunakan sistem yang boleh mengenal punca pendapatan seseorang. Menurut Akta Pencegahan Rasuah 1997, BPR boleh menyerahkan satu borang kepada seseorang individu dan mengarahkannya agar menyenaraikan punca pendapatannya, tetapi perkara ini jarang dilakukan. Sepatutnya, apabila terdapatnya aduan mengenai seseorang pemegang kuasa awam, pihak BPR mestilah menyerahkan borang berkenaan dan seterusnya meminta pegawai yang terlibat agar menyenaraikan aset-asetnya bagi menjelaskan harta-harta yang ia ada. Tetapi, sebagaimana yang dikatakan tadi, ia jarang dibuat oleh BPR. Inilah masalah penguatkuasaan BPR. Tetapi, jika semua orang yang diadukan diberikan borang tersebut, maka agak sukar juga hendak dikendalikan. Cuma yang dapat dibuat ialah, diberikan borang pengisyntiharan harta tersebut apabila sesuatu kes itu begitu mendadak dan maklumat segera diperlukan.

Menurut Rais Yatim (29/4/2003), berkenaan dengan tugas penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh BPR setakat ini, kejayaan mereka agak sederhana sahaja

dan tidak menonjol sangat. Didapati apa yang berlaku ialah, apabila terdapat kes-kes yang melibatkan seseorang yang berkedudukan tinggi di dalam kerajaan, siasatan yang dibuat ke atasnya agak *slow* sedikit. Tidak diketahui sebabnya, mungkin BPR lebih berhati-hati di dalam siasatan mereka. Walau bagaimanapun, kejayaan yang dapat diukur di dalam pencegahan rasuah ialah apabila orang yang terlibat berjaya dibawa ke mahkamah untuk didakwa.

iv. Pembahagian Projek Pembangunan Negara

Semua 120 orang responden bersetuju bahawa projek-projek pembangunan negara diberikan kepada pemaju-pemaju atau tokoh-tokoh korporat yang tertentu dengan cara: melalui tender terbuka; melalui *direct negotiation* dengan pemaju/tokoh korporat berkaitan; dan melalui campur tangan kerajaan (kerajaan sendiri menentukan pemaju/tokoh korporat yang mana akan memajukan projek tersebut). Walau bagaimanapun, semua responden berpendapat, tatacara tersebut bergantung kepada faktor-faktor seperti *urgency*, *quality* dan *specialization* sesuatu projek. Misalnya untuk projek yang perlu segera dilaksanakan, maka untuk menjimatkan masa dengan membuat tender terbuka, kerajaan mungkin memanggil kontraktor tertentu yang berpotensi serta diakui kepakaran mereka untuk membuat kerja-kerja tersebut.

Menurut Rais Yatim (29/4/2003), di dalam sesebuah Kementerian, Jabatan ataupun institusi kerajaan yang lain, yang sebenarnya memegang kuasa yang besar ialah pegawai-pegawai kerajaan dan bukannya menteri. Perkara ini perlu diperbetulkan agar tidak disalahanggap. Misalnya sebelum sesuatu kes itu sampai ke tangan menteri, ia akan diseliakan dan diuruskan terlebih dahulu oleh pegawai kerajaan yang berkenaan dan menteri tidak tahu apa yang berlaku. Pegawai kerajaan inilah yang akan menentukan sama ada kes itu perlukan penangkapan dibuat, ISA dikenakan dan sebagainya. Menteri hanya memberikan beberapa lunas persekutuan ke atas sesuatu perkara. Dalam soal tender ménender pula, kebanyakan orang menyangka menteri yang terlibat

tetapi hakikatnya tidak, yang benar-benar terlibat ialah Ketua Setiausaha bagi Kementerian yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 15 Akta Kewangan. Menteri yang terlibat di sini cuma Menteri Kewangan (kuasa Menteri Kewangan dipindahkan kepada Ketua Setiausaha sebagaimana dinyatakan di bawah Seksyen 15 Akta Kewangan). Oleh itu, lain-lain menteri yang berada di kementerian-kementerian tiada kuasa untuk membekukan faedah dari tender yang dibuat. Jadi yang banyak 'kenyang' ialah pegawai kerajaan yang terlibat mengendali dan menguruskan tender berkenaan dan bukannya menteri. Walau bagaimanapun, ada masanya seseorang akan berjumpa dengan menteri untuk mendapatkan sokongan, tetapi perkara ini akan diserahkan kepada pegawai yang berkenaan untuk diuruskan dan seterusnya diluluskan, dan ada kalanya tidak. Tetapi, boleh dikatakan bahawa, dari sepuluh permohonan yang dibuat, tujuh akan 'disapu' oleh pegawai kerajaan yang berkenaan.

Bagi Zulkifli Yaacob (6/3/2003) pula, sikap tamak dan haloba, suka berhutang serta suka bermewah-mewah memburukkan lagi sikap orang Melayu. Akibatnya projek yang Kerajaan berikan kepada mereka di "AliBaba" kan iaitu diberikan kepada bangsa asing untuk dilaksanakan sedangkan mereka duduk begitu sahaja tanpa bersusah payah dengan menerima peratus tertentu dari keuntungan projek berkenaan. Ada juga yang bermewah dahulu dengan kereta besar, pejabat berhawa dingin, setiausaha cantik, isteri baru dan sebagainya, sedangkan projek yang diberikan masih lagi belum dilaksanakan sepenuhnya sehingga menyebabkan berlakunya projek terbengkalai kerana kekurangan peruntukan (sebahagian peruntukan dibelanjakan untuk bermewah-mewah). Inilah antara mereka yang tidak berterima kasih kepada Kerajaan yang telah banyak membantu mereka.

v. Unsur-Unsur Kronisme Dan Nepotisme Di Dalam Pembangunan Negara

82.5% responden bersetuju bahawa, di dalam proses pemilihan pemaju/tokoh korporat tertentu bagi memajukan sesuatu projek negara, unsur-unsur seperti nepotisme atau kronisme tidak dapat dielakkan dari berlaku. Alasan mereka ialah: sesetengah projek besar kerajaan sememangnya tidak diadakan secara tender; faktor manusia dan kemanusiaan itu sendiri yang saling bantu membantu lebih-lebih lagi yang mempunyai hubungan keluarga atau teman rapat; dan keluarga atau kenalan rapat perlu diberikan keutamaan dahulu sebelum orang lain.

Walau bagaimanapun, 17.5% responden tidak bersetuju dengan pendapat di atas dengan menyatakan bahawa: semua orang yang berkelayakan sepatutnya diberikan hak yang sama untuk memohon projek tersebut dan terpulanglah kepada kerajaan untuk memilih yang manakah yang terbaik di kalangan mereka; bukan semua pemilihan dibuat berdasarkan unsur nepotisme atau kronisme; pemilihan adalah berdasarkan kepada keupayaan untuk menjalankan projek; ia bergantung kepada integriti pembuat keputusan; perlu ada *track record* untuk kenalpasti mereka yang berpotensi tetapi kurang pengalaman juga diberikan peluang yang sama; dan perlu ada bukti/data yang kukuh untuk membuat andaian bahawa kedua-dua unsur tersebut tidak dapat dielakkan.

Di samping itu, 78.3% responden berpendapat bahawa, nepotisme atau kronisme juga merupakan satu bentuk rasuah dengan alasan bahawa: ia merupakan suatu yang tidak dapat dielakkan dari berlaku, tetapi jika mereka layak, maka apa salahnya diberikan kepada mereka; ia merupakan suatu keadaan di mana mereka yang tidak layak diutamakan tetapi yang layak diketepikan; mengenali atau rapat dengan ramai tokoh politik atau korporat tertentu, jadi senanglah mendapat projek; kroni mempunyai kepakaran atau wang untuk membiayai projek; suatu keadaan yang saling tolong menolong (kalau kawan atau saudara sendiri yang tidak tolong, maka siapa lagi yang perlu diharapkan); yang akan senang nanti saudara atau kawan sendiri, bukannya

orang lain; menafikan hak orang lain yang juga layak untuk menerima projek tersebut; kalau ada saudara atau kawan yang boleh buat projek tersebut, jadi mengapa perlu diberikan kepada orang lain; bukan satu pemilihan yang adil, telus dan terbuka (ada unsur *favoritism*); faedah akan dinikmati oleh orang yang tertentu sahaja; pemberi tender akan juga mendapat untung/incentif secara tidak langsung; ia berkisar di kalangan ahli-ahli politik dan kawan-kawannya sahaja; keputusan dibuat disebabkan oleh pengaruh keluarga atau kawan rapat dan bukannya mengikut garispanduan atau dasar yang telah ditetapkan; peluang yang ada tidak diagihkan dengan adil; yang kaya akan menjadi semakin kaya (projek dia sahaja yang dapat); dan suatu keadaan penyalahgunaan kuasa awam untuk kepentingan peribadi.

Walau bagaimanapun, 21.7% responden tidak bersetuju dengan pendapat bahawa nepotisme dan kronisme juga merupakan satu bentuk rasuah dengan alasan: jika ada kelayakan yang diperlukan, mengapa perlu mengamalkan kronisme atau nepotisme; ada juga disebabkan kasihan kepada kawan atau saudara, maka diberikan projek tersebut dengan ikhlas, bukan dengan niat untuk rasuah; biasanya pemaju yang berjaya adalah disebabkan oleh prestasi kerjanya yang baik tetapi terdapat juga di dalam kes-kes tertentu di mana tawaran tidak dibuat secara tender terbuka di atas sebab-sebab tertentu misalnya projek perlu dibuat segera, tiada kontraktor yang benar-benar layak kecuali satu sahaja kontraktor yang berpotensi dan sebagainya; mereka yang diberikan tender biasanya mempunyai prestasi kerja yang cemerlang dan pemberi tender tahu sejarah dan latar belakang kontraktor tersebut; rasuah biasanya dikaitkan dengan material atau perkhidmatan; ketelusan amat penting di mana semua orang mesti mendapat layanan yang sama tidak mengira kroni dan sebagainya, manakala pegawai yang mempunyai pertalian dengan mereka yang disenaraikan untuk menerima tender mestilah tidak dibenarkan untuk menganggotai jawatankuasa pemilihan tersebut; dan yang paling penting di sini ialah kejujuran serta bertanggungjawab ke atas apa yang diamanahkan.

Rais Yatim (29/4/2003) berpendapat bahawa, nepotisme ataupun kronisme, kedua-duanya hanya merupakan sebutan *generic* sahaja kerana di dalam undang-undang tidak disebutkan kedua-dua istilah tersebut. Persoalannya sekarang ialah, sama ada anda menerima ataupun tidak apa-apa faedah untuk kepentingan orang ramai tetapi digunakan untuk kepentingan diri sendiri? Bagi pegawai awam, jika ia menerima sebarang habuan yang ada kaitan dengan tugasnya, maka ia dikatakan telah menerima rasuah dan ini tidak mengira sama ada nepotisme ataupun kronisme. Bagi beliau, kronisme ataupun nepotisme hanya merupakan istilah-istilah longgar yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi mencerminkan sesuatu gelagat di dalam masyarakat. Begitu juga halnya dengan istilah *political business*, *political patronage* dan sebagainya.

Rais Yatim (29 /4/2003) menegaskan bahawa, dalam soal memberikan faedah kepada kroni atau sahabat-sahabat, ini tidaklah salah asalkan tidak tergolong kepada anak, bapa, ibu, isteri, anak buah dan sepupu sebagaimana yang dicegah di dalam undang-undang. Jika diberi kepada kumpulan dan kumpulan itu pula agak rapat dengan mana-mana pihak, itu tidak menjadi rasuah walaupun ada pihak menganggap kumpulan tersebut kroni pihak berkenaan. Tidak dinafikan bahawa mereka yang rapat dengan kepimpinan negara tersebut mungkin diberi habuan oleh pihak kerajaan kerana mendapati mereka itu wajar dibantu. Di sini rasuah dikatakan tidak lantas. Rasuah hanya lantas kepada *proximity* kekeluargaan yang disebutkan tadi. Tetapi, sekiranya kumpulan yang diberi habuan itu membala budi tersebut kepada pemberi kuasa, maka ini adalah salah. Soal nepotisme ataupun kronisme bukanlah istilah undang-undang tetapi merupakan istilah politik yang menggambarkan kumpulan-kumpulan yang rapat dengan mana-mana pihak yang berkuasa atau yang memegang teraju pemerintahan.

Bagi Zulkifli Yaacob (6/3/2003), disebabkan dalam sesuatu pemberian tender ramai pihak yang bersaing, maka ramai jugalah pihak yang tidak berpuas hati, terutamanya mereka yang gagal memenangi tawaran tender. Apatah lagi, secara

kebetulan, pihak yang memenangi tender berkenaan mempunyai kaitan rapat dengan seseorang yang berada di tumpuk kuasa. Dari sinilah timbulnya isu kroni yang sering dibangkitkan oleh pihak tertentu dengan matlamat untuk mempertikaikan kewibawaan kerajaan. Pada hal, dalam sesuatu proses pemilihan, semua pihak sedar mengenai prosedur yang ditetapkan termasuk rekod pencapaian syarikat, sebut harga yang paling sesuai, kemampuan syarikat, kepakaran, keupayaan kewangan, pembiayaan dan sebagainya. Setelah pengumuman tender dibuat, pelbagai cerita didengar mengenainya. Ketika mereka memenangi sesuatu tender sebelum ini, tidak ada pihak yang mempersoalkannya. Sekali pun ada pihak yang membangkitkannya, ia hanya dianggap perkara biasa saja. Itulah sikap manusia yang tidak boleh melihat kesenangan orang lain. Sikap tamak yang ada padanya menyebabkan ia tidak dapat menerima kenyataan bahawa orang lain juga mempunyai hak yang sama untuk bersama-sama memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara demi untuk kesejahteraan hidup bersama jua.

vi. Definisi Rasuah

Kesemua 120 orang responden berpendapat bahawa rasuah adalah: imbuhan atau hadiah yang dihantar oleh individu atau syarikat dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu; wang sogokan yang diberi untuk perkhidmatan atau kelulusan sesuatu projek; sesuatu yang diharapkan oleh pihak tertentu untuk memberi atau meluluskan sesuatu bagi seseorang; sebarang bentuk pemberian atau tindakan yang mempunyai kepentingan kepada seseorang; memberi sesuatu untuk mengharapkan balasan kemudiannya (nampak ikhlas tetapi ada maksud di sebaliknya); sesuatu faedah (dalam bentuk wang atau tidak) yang diberi atau diterima untuk melakukan sesuatu yang tidak dilakukan dalam keadaan biasa; menggunakan wang ringgit atau pengaruh untuk mencapai sesuatu maksud atau tujuan; memberi hadiah atau habuan tertentu kepada seseorang yang mempunyai kuasa dengan tujuan untuk mendapatkan balasan; satu amalan memberi dan menerima untuk memperolehi sesuatu ganjaran

dengan membelakangkan undang-undang; mengharapkan balasan sebagai satu asas untuk membuat keputusan ke atas sesuatu permohonan; satu bentuk suapan atau tumbuk rusuk, merompak hak orang lain, menipu, peras ugut dan sebagainya; menerima sogokan untuk memudahkan sesuatu urusan; menggunakan nama orang-orang tertentu misalnya orang-orang yang berpengaruh untuk kepentingan diri sendiri; sesuatu pemberian yang tidak ikhlas (bertujuan untuk memperolehi manfaat di sebaliknya); penyelewengan dan salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi dan keluarga; menerima apa sahaja bentuk pemberian atas dasar *service exchange* sedangkan mereka telah diberikan gaji untuk menjalankan tanggungjawab tersebut; membuat sesuatu untuk kepentingan diri dan menghalang hak orang lain untuk sama-sama mendapatnya; dan ada yang memberi dan juga ada yang menerima dalam apa jua bentuk sekalipun demi untuk kepentingan tertentu.

Bagi Rais Yatim (29/4/2003) dari segi definisinya, rasuah adalah tumbuk rusuk iaitu merupakan imbuhan atau ganjaran yang diberikan kepada seseorang dengan tujuan yang menyalahi undang-undang iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997. Kesalahan ini bukan sahaja satu kesalahan undang-undang tetapi juga merupakan satu kesalahan sosial dan juga peradaban. Di samping itu, ada juga yang mengatakan bahawa rasuah sebagai suatu amalan yang menggunakan faedah orang ramai bagi kepentingan diri sendiri.

Selain itu, bagi Rais Yatim (29/4/2003), penyalahgunaan kuasa juga dianggap sebagai rasuah. Tetapi di dalam soal salahguna kuasa ini, ia jarang mendapat kes yang jelas. Contoh kes yang baru berlaku ialah kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah didakwa di bawah Seksyen 2(2) Ordinan Anti Rasuah 1970. Tetapi kes ini bukanlah sebagai kes yang muktamad mengenai penyalahgunaan kuasa kerana terdapat banyak lagi kes salahguna kuasa di peringkat pegawai yang masih lagi belum dapat diteliti. Misalnya salahguna kuasa di dalam Jawatankuasa Tender. Perkara ini banyak berlaku tetapi BPR tidak berjaya hendak membuktikannya setakat ini. Contoh kes yang terbaru dan sedang di

dalam siasatan melibatkan Datuk Aziz di Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu mengenai Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Menurut Zulkifli Yaacob (6/3/2003) pula, gejala rasuah tidak dapat dielakkan dari terus berlaku dan agak mustahil untuk dihapuskan sepenuhnya. Apa yang Kerajaan dapat lakukan ialah dengan mengurangkan rasuah dari terus berlaku. Faktor penting yang mesti dititikberatkan ialah dengan memastikan ketelusan dipertingkatkan di dalam apa jua urusan Kerajaan. Di sini, istilah "duit kop" atau "duit bawah meja" tidak timbul kerana kebanyakan pejabat Kerajaan sekarang telah mempunyai Piagam Pelanggan sendiri yang perlu dipatuhi oleh kakitangan awam. Sekiranya penjawat awam tersebut gagal menyelesaikan urusan berkenaan dalam masa yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan, maka orang awam boleh mengadukan perkara ini kepada pihak pengurusan ataupun terus kepada Biro Pengaduan Awam untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, orang awam juga perlu mengubah sikap mereka agar tidak mudah memberikan rasuah. Sebaliknya mereka perlu merancang apa yang hendak disediakan sekiranya hendak berurus dengan pejabat Kerajaan (dipastikan dokumen lengkap dan sebagainya) dan tidak dibuat secara tergesa-gesa sehingga memerlukan rasuah untuk mempercepatkan segala urusan.

vii. Punca Berlakunya Rasuah

Kesemua 120 orang responden bersetuju bahawa, di antara punca berlakunya rasuah di Malaysia adalah disebabkan oleh: ingin hidup mewah; hidup suka bermegah-megah (pepatah: "biar pape asal bergaye"); kurangnya penghayatan nilai-nilai murni dan akhlak yang baik; kurangnya penyeliaan dari pegawai atasan; terlalu banyak penurunan kuasa kepada pegawai bawahan; longgaranya tatacara dan peraturan kerja; pegawai atasan juga terlibat inikan pula orang bawahan; gaji yang rendah serta tidak dapat menampung kos hidup yang tinggi masa kini; sikap yang tidak bersyukur dengan apa yang ada; dan berbelanja lebih dari pendapatan.

Bagi Rais Yatim (29/4/2003), punca berlakunya rasuah merupakan satu persoalan yang amat luas. Walau bagaimanapun, rasuah biasanya berlaku kepada mereka yang memegang kuasa seperti kuasa yang dipegang oleh polis, kuasa yang dipegang oleh pihak eksekutif atau anggota pentadbiran termasuklah Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Menteri ataupun Menteri Besar. Dengan kuasa yang diberikan kepada mereka, mungkin pada masa kini ataupun pada masa akan datang, mereka akan diduga dengan situasi berasuah. Dengan lain perkataan, sekiranya kuasa itu lebih menjurus kepada seseorang secara keterlaluan, maka lebih cenderung seseorang itu melakukan rasuah. Justeru itu, konsep memegang kuasa secara kolektif adalah lebih afdal dan lebih penting berbanding dengan memegang kuasa secara individu atau kepada satu pihak sahaja. Misalnya dalam soal pemberian tanah kerajaan kepada mana-mana pihak. Sekiranya kuasa itu terletak hanya kepada pentadbir tanah, maka sudah tentu pentadbir tanah tersebut akan diduga dengan situasi rasuah kerana rakyat akan tertumpu kepadanya. Dalam masa yang sama, terdapat pihak yang akan cuba melembutkan hati pentadbir tanah berkenaan dengan memberikan sesuatu habuan berbentuk wang ringgit dan sebagainya agar ia lebih cenderung kepada sesuatu pihak. Dari sini boleh dikatakan bahawa, punca berlakunya rasuah adalah disebabkan oleh:

- a. seseorang itu gemar menggunakan kuasa yang ada padanya untuk faedah dirinya sendiri dan bukan untuk faedah orang ramai;
- b. rakyat yang cenderung untuk memberikan rasuah kepada pemegang kuasa tersebut agar memberikan faedah kepadanya;
- c. sesuatu urusan itu akan disegerakan sekiranya diberikan rasuah; dan
- d. budaya dan sosio ekonomi sesuatu kaum.

Menurut Transparency International, Malaysia dikatakan berada di perenggan 39 di senarai indeks rasuah. Tetapi bagi Rais Yatim (29/4/2003), kedudukan itu boleh dipertikaikan kerana mereka hanya membuat *arm-chair research* di mana mereka duduk di satu tempat dan memerhatikan berdasarkan kepada sentimen

global mereka. Bagi beliau, Malaysia masih mempunyai bibit rasuah tetapi tidaklah seteruk seperti yang digambarkan oleh Transparency International kerana Malaysia mempunyai undang-undang rasuah yang ketat dan undang-undang ini tidak akan berkesan kecuali dengan penguatkuasaan (*enforcement*) sahaja. Sehingga kini tahap penguatkuasaan masih kurang dan beliau sendiri tidak berpuashati dengannya.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa, sekiranya rasuah tidak dibendung secara serius, maka ekonomi akan luntur kerana sebahagian daripada faedahnya akan meresap ke bawah menerusi rasuah yang dipanggil *economic leakage through corruption* dan akan menyalahi konsep samarata sebagaimana yang dinyatakan di perkara 8 Perlembagaan Malaysia (semua orang adalah sama taraf di sisi undang-undang). Sekiranya terdapat pihak yang cuba menyogok dengan wang ringgit, dengan faedah, janji ataupun pengaruh, maka tidak tercapailah kesamarataan dari segi peluang. Rasuah juga berlaku dalam pemilihan tender, pengagihan tanah-tanah, pemprosesan permohonan-permohonan dan juga berlaku di sektor swasta. Apa yang bezanya di sektor swasta ialah, rasuah berlaku di dalam bilik Lembaga Pengarahnya dalam usaha untuk menentukan kerja-kerja yang perlu diberi kepada kontraktor-kontraktor sesebuah syarikat dan sogokan berlaku dalam hal-hal yang sedemikian. Tetapi, masalah yang timbul ialah bagaimana hendak membuktikan berlakunya rasuah di sini? Pada hakikatnya, pembuktian dalam kes rasuah diakui amatlah sukar.

Di negara ini menurutnya lagi, terdapat beberapa orang yang telah terlibat dengan kes-kes besar rasuah misalnya pada tahun 1977 iaitu kes Datuk Harun Idris di mana Mahkamah Tinggi telah menghukum beliau sebagai menerima rasuah. Terdapat juga kes-kes rasuah lain yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan misalnya pada tahun 1993, Ketua Pengarah Felcra telah dihadapkan ke mahkamah dalam satu kes penipuan bank di Afrika Selatan. Selain itu, bagi menunjukkan bukti bahawa perkara rasuah ini tidak mudah diselesaikan ialah berkaitan dengan kes yang sedang berjalan sekarang dan sehingga kini tidak

dapat didakwa iaitu kes yang berkaitan dengan Perwaja di Terengganu yang telah melebihi sepuluh tahun dan siasatan masih lagi dibuat. Ini adalah contoh yang menunjukkan bahawa, untuk memastikan penguatkuasaan yang cergas, kita perlulah mempunyai pengintipan dan pengumpulan bahan bukti yang *sophisticated*, dan beliau tidak pasti kes ini akan diselesaikan dalam masa yang singkat dan ia akan tergolong kepada kes yang gagal. Rakyat amnya tahu ada sesuatu yang tidak betul di dalam kes ini tetapi pihak BPR tidak dapat berbuat apa-apa kerana kononnya bukti masih lagi tidak mencukupi.

Dalam hal pendedahan rasuah yang dibuat oleh seseorang, di mana pengadu tersebut akan diberikan tekanan sedangkan orang yang dituduh melakukan rasuah itu dibiarkan sahaja, Rais Yatim (29/4/2003) berpendapat, perkara ini perlu disokong oleh data-data yang boleh membuktikan kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, orang-orang yang membuat aduan rasuah boleh mendapat perlindungan, tetapi ini semua terpulang kepada BPR untuk memberikannya ataupun tidak. Beliau sendiri pernah menerima aduan yang menyatakan bahawa pegawai BPR tidak mengambil berat terhadap kes yang pada mulanya begitu rancak disiasat tetapi kemudiannya senyap begitu sahaja, fail hilang dan sebagainya. Beliau sendiri ada menaruh syak wasangka bukan sahaja kepada beberapa pihak penyiasat anti rasuah tetapi juga penyiasat di dalam pasukan polis juga. Misalnya dalam kes pembunuhan isteri kedua Raja Di Hilir, Perak yang menyebabkan empat orang dihukum sedangkan isteri pertama Raja Di Hilir terlepas begitu sahaja. Persoalannya sekarang ialah, siapakah puncanya sehingga menyebabkan keempat-empat orang tersebut bertindak sehingga terjadinya pembunuhan? Maka, jawapannya sudah tentulah ianya berpunca dari isteri pertama Raja Di Hilir. Dari siasatan polis, mereka berempat bersalah sedangkan Raja Mahani terlepas. Dalam masa yang sama, pegawai tinggi polis yang menyiasat kes berkenaan telah diberikan anugerah tertinggi negeri Perak. Ini besar kemungkinan berlakunya rasuah, tetapi persoalannya, siapa yang akan menyiasat perkara ini? Ini adalah antara kes yang boleh dipersoalkan.

Bagi Rais Yatim (29 April 2003), berkenaan dengan laporan kes rasuah yang dibuat oleh mereka yang pro kerajaan sering mendapat keutamaan untuk diambil tindakan berbanding dengan mereka yang pro pembangkang adalah merupakan satu pandangan politik dan tidak dapat diberikan ulasan kerana memerlukan data-data yang terbukti dapat diakui kebenarannya. Walau bagaimanapun, setiap laporan rasuah yang dibuat, ia akan ditentukan oleh BPR sama ada terdapat unsur rasuah ataupun tidak bagi menentukan sama ada siasatan boleh dibuat atau tidak. Sekiranya BPR enggan menerima laporan, ini bermakna, BPR yang rasuah. Setakat ini, besar kemungkinan beberapa kes yang dibuat oleh pembangkang tidak dilaksanakan dan juga kes-kes yang dilaporkan oleh rakyat biasa tidak mendapat perhatian. Contohnya pada tahun lepas, beliau sendiri telah mengemukakan satu kes iaitu kes Seow di Seremban di mana seorang Cina telah terbunuhan dan diimplikat oleh pihak tertentu sehingga kes itu ditutup. Beliau telah membangkitkan semula kes berkenaan agar disiasat semula dan telah berakhir dengan kejayaan. Ini menunjukkan bahawa pihak penguatkuasa undang-undang banyak memainkan rasuah di dalam menerima mana yang perlu disiasat dan mana yang tidak, sebab utamanya ialah mereka berkuasa penuh

Satu perkara penting yang beliau (Rais Yatim 29/4/2003) hendak komen ialah, rasuah akan berlaku di mana sahaja dan termasuklah di Badan Pencegah Rasuah (BPR) sendiri. Ia agak pelik kerana BPR tidak bertanggungjawab kepada sesiapapun dan in bermakna agak mudah baginya sama ada untuk meneruskan ataupun tidak meneruskan sesuatu siasatan (semuanya bergantung semata-mata kepada keputusan BPR sendiri). Ini satu keadaan yang tidak memuaskan dan Akta Pencegahan Rasuah perlu diperbaiki. Hakikatnya BPR mesti bertanggungjawab kepada sesuatu entiti tetapi sekarang mereka tidak bertanggungjawab kepada sesiapapun. Apa yang ada hanyalah kepada Peguam Negara sahaja di mana setelah siasatan selesai maka kertas siasatan atau *investigation papers* akan dikemukakan kepada Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Setakat itu sahaja tanggungjawab BPR kepada Peguam Negara. Tetapi untuk mengarahkan BPR membuat sesuatu, tiada kuasa yang dapat

mengarahkan mereka. Ini adalah satu kesilapan Kerajaan dan bukan atas kesilapan sesiapa katanya. Dalam hal ini, beliau ada membuat beberapa cadangan agar BPR bertanggungjawab kepada Kerajaan di mana salah seorang Menteri Kabinet misalnya mesti bertanggungjawab terus kepada BPR kerana pada masa sekarang masih tidak ada. Apa yang dibuat sekarang hanyalah membawa persoalan yang berkaitan dengannya ke Parlimen dan perkara ini kita semua tidak boleh campur. Soalnya sekarang ialah soal kesilapan.

Menurut beliau lagi, senario di BPR sekarang ialah, sama ada BPR suka atau tidak, dibiarkan sahaja begitu. Walaupun telah banyak aduan dibuat mengenai beratus-ratus kes rasuah misalnya di Selangor, tetapi tidak ada apa yang dilakukan kerana tiada ada kuasa untuk melunaskan agar BPR melakukannya. Walau bagaimanapun, *alternatively* dicadangkan agar Peguam Negara diberikan kuasa untuk mengarahkan BPR. Perkara ini boleh dilaksanakan tetapi disebabkan Peguam Negara terlalu sibuk dengan urusan-urusan lain, maka perkara ini tergantung begitu sahaja.

Bagi Rais Yatim (29/4/2003), untuk mengkategorikan sesuatu sebagai rasuah mestilah bergantung kepada Akta Pencegahan Rasuah 1997. Akta tersebut menyatakan bahawa sesuatu perkara adalah rasuah sekiranya seseorang itu menerima faedah, habuan, janji ataupun gesaan dalam apa jua bentuk untuk kepentingan peribadi yang sepertutnya menjadi kepentingan awam. Jadi, kerja mengambil kepentingan awam untuk kepentingan diri sendiri itu yang dinamakan rasuah.

Di samping itu, mengenai kebebasan BPR pula, Rais Yatim (29/4/2003) menegaskan bahawa, pada hakikatnya tidak ada suatu badan yang dikatakan seratus peratus bebas. Bukan sahaja BPR, Badan Kehakiman ataupun Suruhanjaya sekalipun, ianya tidak boleh bebas seratus peratus dan ini sesuatu yang *impossible* kerana mesti ada satu kuasa untuk mewujudkan Badan tersebut dan kuasa tersebut ialah kuasa kerajaan. Apabila Badan tersebut telah

diwujudkan, maka sudah tentu ia akan meminta peruntukan wang untuk perbelanjaannya serta juga sejumlah pegawai dan kakitangan untuk menjalankan operasi Badan tersebut, di samping bertanggungjawab kepada satu entiti yang memberikannya kuasa iaitu kerajaan. Dalam hal ini, BPR tidak bertanggungjawab kepada seseorang, maka semakin bermaharaja-lelalah ia. Oleh itu, dalam konsep kemanusiaan, tidak harus ada satu Badan yang seratus peratus bebas. Justeru itu, Badan tersebut mesti bertanggungjawab sekurang-kurangnya kepada satu jawatankuasa Parlimen, atau kepada satu Kementerian, ataupun kepada satu kumpulan. Bertanggungjawab kepada seseorang sahaja juga agak bahaya kerana berkemungkinan melakukan rasuah.

Dalam soal ini, Rais Yatim (29/4/2003) kurang bersetuju dengan peruntukan undang-undang sekarang di mana Peguam Negara tidak bertanggungjawab kepada sesiapapun dan ia boleh meminda, menangguh mahupun meneruskan sesuatu kes itu menurut budi bicaranya sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perkara 145 Perlembagaan Malaysia. Misalnya, bagi BPR, selesai sahaja siasatan dijalankan, maka kertas siasatan tersebut akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk tindakan pendakwaan, tetapi apa yang berlaku ialah, kes berkenaan senyap begitu sahaja. BPR tidak boleh dipersalahkan di dalam hal ini kerana mereka telah menjalankan tugas sebagaimana yang sepatutnya. Tetapi apabila dirujuk kepada Peguam Negara, Peguam Negara menyatakan bahawa, "*this is my power*" dan bukannya kuasa menteri atau kabinet yang menentukannya. Oleh itu, sesuatu kuasa yang hendak mengatasi rasuah hendaklah tidak seratus peratus bebas, dan sekiranya hanya seorang yang memegang seratus peratus kuasa, maka rasuah akan berlaku. Sebagaimana dikatakan: "*Full responsibility is full of non commitment*"(Aristotle); dan "*Absolute power corrupt absolutely*"(Lord Acton).

Tetapi menurut Rais Yatim (29/4/2003) lagi, untuk meminda Perkara 145 Perlembagaan tersebut bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia juga akan dibawa kepada Peguman Negara untuk mendapatkan pandangan dan

persetujuannya. Hakikatnya Peguam Negara sudah semestinya tidak akan bersetuju dengan cadangan pindaan berkenaan. Tetapi sekiranya ada *political will*, Kabinet boleh memindanya. Sepatutnya Peguam Negara perlu bertanggungjawab kepada satu entiti perundangan dan kalau boleh kepada seorang Menteri Undang-Undang dan Kehakiman sebagaimana yang pernah diadakan di negara ini dahulu. Tetapi ini semua adalah terpulang kepada kuasa Perdana Menteri sama ada untuk mewujudkannya ataupun tidak.

viii. Sifat “Positif” Rasuah

45.8% responden berpendapat bahawa, adakalanya rasuah diperlukan bagi mempercepatkan sesuatu urusan (misalnya dapat menjimatkan kos, masa menunggu yang lama, mudah mendapat projek dan sebagainya). Antara alasan mereka ialah: karenah birokrasi yang menyebabkan rasuah berlaku; bila terdesak sanggup membuat apa sahaja walaupun terpaksa memberi rasuah; hal ini berlaku kerana tidak cekap menguruskan sesuatu urusan sehingga menyebabkan kelewatan; urusan yang melibatkan banyak dokumen patut dikaji semula agar dapat dimudahkan khasnya kepada orang awam yang biasanya tidak suka menunggu lama; kalau sudah biasa memberi rasuah, perkara yang tidak *urgent* pun diselesaikan dengan memberi rasuah; wujudnya peluang untuk memberi dan menerima rasuah; terlalu banyak *red tape* manakala kakitangan yang terlibat menguruskannya pula lambat membuat kerja; dan semua orang ingin cepat dan senang di dalam kebanyakan urusan yang dibuat.

Walau bagaimanapun, 54.2% responden tidak bersetuju bahawa rasuah diperlukan untuk mempercepatkan sesuatu urusan. Bagi mereka: penjawat awam telah diberikan tanggungjawab untuk dilaksanakan dengan adil dan saksama tanpa pilih kasih; semua orang perlu memberikan kerjasama di dalam usaha membentras rasuah; sekiranya mempunyai pegangan agama yang kuat, masalah memberi atau menerima rasuah tidak akan timbul; rancanglah dengan teliti dan pastikan segala dokumen yang berkenaan adalah lengkap bagi

mengelakkan dari membuang masa menunggu sehingga terpaksa memberi rasuah; tidak perlu memberi rasuah sekiranya dapat membuat kerja dengan cekap serta mengikut prosedur yang telah ditetapkan; jangan suka membuat kerja *last minute*; rasuah tidak boleh dijadikan alasan untuk memudahkan kerja seseorang; rasuah akan menghancurkan negara walau apa jua alasan yang diberikan; sesuatu urusan boleh dipercepatkan tanpa memerlukan rasuah kerana ini semua bergantung kepada kecekapan dan juga nilai-nilai yang murni yang semestinya dimiliki oleh semua penjawat awam di negara ini; jika ketahanan agama kurang, maka mudahlah terjebak dengan rasuah; jika rasuah diamalkan, maka ia akan menjadi budaya yang akan meluputkan nilai-nilai murni yang perlu ada pada seseorang penjawat awam; setiap agensi kerajaan sekarang mempunyai piagam pelanggan mereka sendiri yang merupakan janji mereka kepada orang awam di dalam menyelesaikan sesuatu urusan. orang ramai boleh membuat aduan sekiranya terdapat penjawat awam yang sengaja melengahkan kerja dengan tujuan untuk mengenakan rasuah; dan penjawat awam dibayar gaji untuk melaksanakan tugas yang diarahkan kepada mereka, jadi mengapa perlu terima rasuah?.

ix. Kaitan Di Antara Rasuah Dan Pembangunan

60.8% responden berpendapat bahawa, sememangnya terdapat pertalian di antara pembangunan dan rasuah di dalam pembangunan negara Malaysia. Alasan mereka ialah: mengejar kemewahan dan kedudukan bagi menunjukkan taraf di kalangan masyarakat yang begitu pentingkan kemewahan; menunjukkan ketidakseimbangan di dalam pembangunan di mana kekayaan negara tidak dibahagi sama rata, hanya golongan tertentu sahaja yang menikmatinya; menunjukkan masih kurang kesedaran mengenai rasuah; masih berlaku disebabkan pembangunan fizikal tidak seimbang dengan pembangunan spiritual; pembangunan yang pesat akan melibatkan pelaburan sektor awam dan swasta yang banyak dan keadaan ini sedikit sebanyak akan menyumbang kepada penyalahgunaan kuasa dan rasuah; persaingan yang hebat untuk mendapatkan kontrak kerajaan akan meyebabkan siapa yang pandai mengampu, banyak

memberikan imbuhan dan sebagainya yang akan menang kerana di masa kini, tidak ramai yang bersikap ‘lurus bendul’; kalau tak beri, maka orang lain yang akan dapat; perkara ini tidak dapat dielakkan kerana terdapat di kalangan ahli politik sendiri (sama ada secara langsung atau tidak langsung) turut mempunyai kepentingan di dalam sesuatu syarikat atau projek; sudah wujud banyak kes yang dibongkar oleh bpr misalnya skandal perwaja dan juga projek hidroelektrik bakun; maju macam mana sekalipun, rasuah tetap tidak dapat dihapuskan, tetapi mungkin dapat dikurangkan atau dielakkan daripada menjadi suatu budaya hidup; tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan projek mega negara diperolehi oleh kroni atau mereka yang rapat dengan tokoh-tokoh politik parti pemerintah sendiri; dan suatu keadaan di mana kuasa yang diamanahkan disalahgunakan untuk kepentingan diri sendiri, kaum keluarga (nepotisme) dan juga sahabat handai (kronisme).

Walau bagaimanapun, 39.2% responden tidak bersetuju dengan pendapat yang menyatakan bahawa terdapatnya pertalian di antara rasuah dan tahap pembangunan sesebuah negara kerana bagi mereka: tidak semestinya perkara ini akan berlaku sekiranya nilai-nilai murni dan akhlak yang baik diamalkan; tidak semestinya benar kerana perkara ini perlu kajian yang teliti dan diikuti dengan data yang boleh dipercayai; tidak semestinya berlaku contohnya negara Singapura, kadar rasuah di sana lebih rendah daripada di Malaysia dan negara mereka boleh dikatakan lebih maju dari malaysia; penguatkuasaan undang-undang yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan agar gejala rasuah tidak menular sehingga menjadikan pembangunan negara; amalan rasuah di Malaysia masih terkawal dan tidak lagi sampai ke tahap menjadi suatu budaya hidup; rasuah juga berlaku di negara-negara maju dan tidak terhad di negara-negara membangun sahaja; kaitan yang paling sesuai di sini ialah semakin tinggi tahap penguatkuasaan undang-undang rasuah, maka semakin membangunlah negara tersebut, dan bukannya semakin membangun negara tersebut maka semakin tinggilah kadar rasuahnya; pembangunan dan rasuah adalah dua pembolehubah yang berbeza dan agak sukar untuk dibuktikan pertalian di antara

kedua-duanya, kecuali dijalankan yang mendalam dan diikuti dengan bukti-bukti yang kukuh melalui kajian-kajian kes tertentu; selain penguatkuasaan undang-undang yang lebih kerap, setiap projek pembangunan mestilah lebih kerap diawasi untuk mengelakkan dari berlakunya salahguna kuasa dan rasuah; dan jika diperhatikan, pembangunan yang pesat menunjukkan pemikiran mereka semakin matang dan dapat menilai yang mana baik dan yang mana buruk. Justeru itu, tidak timbul pertalian di antara pembangunan dan peningkatan kadar rasuah. tetapi, tidak dapat dinafikan juga bahawa corak pemikiran yang lebih maju juga menyebabkan corak jenayah yang dilakukan akan menjadi lebih professional dan terancang serta sukar untuk dikesan oleh pihak berkuasa.

x. Political Business / Political Patronage

Kesemua 120 orang responden berpendapat bahawa, sekiranya ahli-ahli politik juga terlibat di dalam perniagaan tertentu (*political business*), maka akibatnya ialah: mereka akan lebih cenderung untuk menggunakan kuasa politik mereka untuk mendapatkan sesuatu projek dan adakah bukan untuk dirinya tetapi untuk keluarganya ataupun untuk kawan baiknya; negara akan 'diniagakan' sekiranya ahli politik sendiri terlibat di dalam perniagaan tertentu; mereka yang berpolitik diperingkat bawahan tidak mengapa untuk menjalankan perniagaan tetapi apabila telah menjadi wakil rakyat, ia mestilah melepaskan kepentingannya di dalam syarikat bagi mengelakkan salah sangka atau dipandang serong oleh masyarakat; rakyat akan diabaikan kerana peluang perniagaan atau projek tertentu kerajaan tidak sampai kepada mereka; gejala rasuah sudah pasti tidak dapat dielakkan; keputusan yang dibuatnya walaupun betul tetapi akan disalah anggap oleh orang lain sebagai mempunyai kepentingan; akan berlaku salah faham di kalangan ahli-ahli politik tersebut kerana masing-masing mempunyai kroni atau ahli keluarga yang perlu diutamakan dan keadaan ini akan memporak-perandakan negara; perkara ini agak sukar untuk dielakkan di mana-mana negara sekalipun, inikan pula di Malaysia; politik wang juga akan menjadi semakin berleluasa; berlakunya *conflict*

of interest; undang-undang yang melarang penjawat awam termasuk ahli politik dari menjalankan perniagaan tertentu akan menjadi buku rujukan sahaja kerana apa yang digariskan di dalamnya tidak dilaksanakan/diamalkan; tiada persaingan yang adil kerana mereka yang bernaung dengan tokoh politik tertentu akan mempunyai peluang yang lebih untuk mendapat tender walaupun ada yang tidak mempunyai kelayakan yang telah ditetapkan; gejala rasuah tidak akan dapat dibentras kerana mereka juga terlibat sama di dalam penggubalan undang-undang negara; akan berlaku monopoli kerana orang yang berkuasa yang akan menentukan segalanya; dan pembangunan negara akan terbengkalai sehingga kerajaan terpaksa *bailout* projek tersebut (antara akibat memilih kontraktor atau syarikat yang tidak berkelayakan).

Bagi mengatasi masalah *political business* atau *political patronage* di atas, maka kesemua 120 orang responden tersebut mencadangkan supaya: seseorang ahli politik itu mestilah mempunyai nilai-nilai akhlak yang murni dan sekiranya ia sendiri yang melakukan rasuah, maka bagaimana rakyat dapat menerima pemimpin yang sedemikian yang sepatutnya memberikan contoh yang baik kepada rakyat kerana kepimpinan melalui teladan; semua ahli politik sepatutnya melepaskan kepentingan mereka di dalam perniagaan apabila mereka memegang jawatan politik dan perkara ini perlulah kerap dipantau dan kalau boleh dilaporkan kepada jemaah menteri oleh menteri yang berkenaan misalnya menteri yang bertanggungjawab mengenai undang-undang negara; penguatkuasaan undang-undang perlu menyeluruh dan tidak mengira pangkat, darjah dan sebagainya; undang-undang yang sedia ada diperjelaskan lagi agar mereka (ahli politik) tidak terlibat dengan mana-mana perniagaan atau syarikat; ahli-ahli politik perlu mengisyiharkan harta masing-masing sebelum dan selepas menjawat jawatan politik tertentu dan kalau boleh diwartakan agar rakyat tahu kedudukan mereka manakala pengisyiharan harta ini pula perlu dilakukan setiap tahun; pucuk pimpinan negara mestilah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengenakan tindakan serta menghalang mana-mana ahli politik dari terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam perniagaan tertentu.

Tetapi, keadaan akan menjadi lebih teruk lagi sekiranya pucuk pimpinan juga turut berperangai seperti ahli politik berkenaan; ahli politik tersebut sepatutnya meletakkan jawatan sahaja dan biarkan orang lain yang benar-benar hendak membela nasib rakyat mengambilalih jawatan tersebut; mereka boleh terlibat tetapi mestilah tidak secara langsung sehingga boleh mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan rakyat kepadanya; rakyat perlulah memilih pemimpin yang benar-benar boleh membela nasib mereka dan pemimpin tersebut perlulah memiliki akhlak yang murni. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah pemimpin yang berubah sikap setelah memegang sesuatu jawatan dan mula hidup mewah sehingga ada yang baru hendak menjenguk rakyat di kawasannya apabila pilihanraya menjelang tiba, pemimpin yang sedemikian perlulah disingkirkan dan ahli politik perlu lebih neutral dan elakkan dari membuat keputusan atau tindakan yang boleh menimbulkan syak oleh masyarakat.

Selain itu, menurut Rais Yatim (29/4/2003), seorang penulis bernama Terence Gomez pernah menulis mengenai *political business* di Malaysia tetapi penulis tersebut dikatakan tidak berjaya menyatakan mengenai pra-rasuahnya sesuatu kes itu kerana didapati terdapatnya parti-parti politik yang mempunyai tali-jemali dengan perniagaan dan sebagainya. Bagi beliau, ini tidak dilarang asalkan tidak menggunakan faedah orang ramai untuk kepentingan parti tersebut. Apa yang dipertikaikan sekarang ialah mengenai istilah dan juga ketepatan istilah rasuah yang masih belum memuaskan dalam mana-mana undang-undang rasuah pun di dunia ini. Sebabnya, jika satu kumpulan besar memperolehi faedah hasil daripada perjuangannya, ada pihak yang mungkin mengatakan itu sebagai *political business*. Tetapi, sekiranya kumpulan itu memberikan faedah kepada sebahagian besar manusia, itu bukanlah rasuah. Tetapi, penulis Gomez menganggap perkara seperti ini sebagai *political business* kerana kecenderungannya untuk 'membelasah' UMNO, MCA dan sebagainya. Pandangan Gomez tersebut walaupun telah menzahirkan PhD baginya, namun ia boleh dipertikaikan. Tetapi ini tidak mengapa kerana sesuatu kajian itu

memang boleh dipertikaikan dari mana sudut jua pun asalkan seseorang itu boleh mempertahankan beberapa bibit penyelidikannya di dalam sesuatu aspek.

Mengenai politik wang pula, Rais Yatim (29/4/2003) berpendapat, bagi sesiapa yang mengatakan bahawa di dalam politik tidak boleh menggunakan wang, maka ia boleh dianggap sebagai hujah yang daif. Dalam keluarga pun, tanpa wang, bagaimana kita boleh hidup? Semua parti politik menggunakan wang, tetapi yang menjadi kesalahan ialah sekiranya wang tersebut digunakan untuk meraih undi di dalam parti ataupun di dalam kumpulan. Terma politik wang ini bagi beliau begitu luas kerana sekiranya tidak kena gayanya, maka akan susahlah sesuatu perjuangan politik itu. Misalnya sesuatu parti politik boleh menerima derma daripada sesiapa pun, tetapi derma itu tidak boleh dikaitkan nanti di mahkamah dengan apa-apa habuan ataupun faedah yang diluluskan oleh pemimpin yang mempunyai kaitan dengan parti tersebut. Contoh kes yang paling baik ialah kes Datuk Harun Idris melawan Hong Kong Bank yang berkaitan dengan rasuah parti politik. Kes ini masih menjadi nas undang-undang yang teguh sehingga ke hari ini. Apa yang perlu diingatkan ialah, menggunakan wang di dalam parti politik tidak salah, tetapi jika menggunakan wang bagi meraih pengaruh atau undi, maka ini adalah salah. Rumusannya ialah: "*Directly or indirectly benefiting the individual in position of power and authority, then it will become a corrupt practice.*"

xii. Langkah-Langkah Pencegahan Rasuah Dan Salahguna Kuasa

Kesemua 120 orang responden berpendapat bahawa, di antara usaha-usaha yang patut dilakukan kerajaan untuk meningkatkan lagi penyertaan dan sokongan yang padu serta berterusan di kalangan pemimpin-pemimpin, kumpulan-kumpulan berpengaruh dan masyarakat umum agar menentang jenayah rasuah serta penyalahgunaan kuasa ialah: meningkatkan lagi kesedaran rakyat mengenai kesalahan rasuah melalui media massa dan cetak, serta melalui pendidikan di sekolah rendah mahupun sekolah menengah dan

seterusnya sehingga ke peringkat institusi pendidikan tinggi; Mengadakan kempen anti rasuah yang berterusan; memperketatkan lagi pelaksanaan undang-undang rasuah dengan mengenakan hukuman yang lebih berat termasuk menyita harta mereka yang didapati bersalah melakukan rasuah sebagaimana yang dilakukan ke atas pesalah pengedar dadah; ketelusan yang tinggi perlu ada di dalam setiap urusan; dipertingkatkan kempen penerapan nilai-nilai agama dan akhlak yang murni di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga masyarakat agar membenci rasuah; gaji penjawat awam haruslah dikaji semula agar gaji yang mereka terima adalah berpatutan dengan kos hidup masa kini khasnya bagi mereka yang bekerja di bandar misalnya di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan sebagainya, dengan demikian, tidaklah mereka menjadikan alasan gaji tidak cukup untuk melakukan rasuah; karenah birokrasi perlu dikurangkan dan mana-mana jabatan atau agensi yang kerap berurusan dengan orang ramai, perlulah diawasi aktiviti pegawai dan kakitangan yang terlibat; jangan bersikap pentingkan diri sendiri dan tidak akan menjadi kesalahan sekiranya hasil kemakmuran negara diagihkan dan dinikmati bersama-sama; ada masanya kerajaan perlu memberikan insentif atau ganjaran kepada sesiapa yang membuat aduan mengenai rasuah samada yang dilakukan oleh penjawat awam mahupun ahli polik sendiri; ada yang berpendapat perlu dilaksanakan Hukum Hudud agar menjadi pengajaran kepada mereka yang mahu ataupun cuba melakukan rasuah; BPR patut diletakkan di bawah Parlimen dan bukannya di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) kerana jika di bawah JPM, sampai kiamat pun gejala rasuah tidak akan dapat dibentras khasnya yang melibatkan ahli-ahli politik; pastikan penjawat awam yang bertugas di Kementerian/Jabatan yang selalu berurusan dengan orang awam seperti imigresen, kastam dan sebagainya tidak ditugaskan di situ melebihi dari lima tahun bagi mengelakkan mereka menggunakan kuasa yang diberi untuk melakukan rasuah; dan elakkan dari ‘pendakwaan terpilih’ di mana yang selalu ditangkap hanya ‘ikan bilis’ tetapi ‘bapa ikan’ dibiarkan kerana takut ‘digigit’ oleh ‘bapa segala ikan’.

xii. Masa Depan Negara Malaysia

Kesemua 120 orang responden meletakkan harapan yang tinggi terhadap masa depan negara Malaysia yang seharusnya bebas dari gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa demi untuk merealisasikan Wawasan 2020. Bagi mereka: Malaysia diharap suatu hari nanti akan menjadi negara contoh di dalam usaha membentras jenayah rasuah; setiap golongan masyarakat haruslah bekerjasama menentang gejala rasuah dan mereka yang terlibat wajarlah dikenakan hukuman yang berat agar menjadi pengajaran kepada orang lain; diharapkan gejala rasuah di negara ini dapat dikurangkan dari masa ke semasa dan elakkan ia dari menjadi satu budaya hidup; jika penjawat awam masih lagi tidak dapat mengelakkan diri dari menerima rasuah, maka sukarlah direalisasikan Wawasan 2020 nanti; undang-undang rasuah diharap dapat dilaksanakan tanpa *fear and favor* agar dapat menjadi pengajaran kepada orang lain; Wawasan 2020 telahpun menggariskan sembilan cabaran yang perlu dihadapi termasuklah penerapan nilai-nilai murni serta cuba melahirkan insan-insan yang bermoral tinggi dan dengan itu terpulanglah kepada kita samada hendak atau tidak mengamalkannya; pertimbangan sesuatu kelulusan mestilah mengikut kelayakan dan keupayaan untuk melaksanakan projek dengan cekap dan berkesan, dan bukannya dipengaruhi oleh unsur-unsur seperti kawan rapat, saudara mara, sahabat handai atau siapa yang berada di sebalik syarikat tersebut; sekiranya hukum Al Quran digunakan, sudah pasti gejala rasuah tidak akan berlaku dan negara akan membangun dengan lebih makmur, rakyat dapat hidup dengan lebih bahagia dan selesa bebas dari gejala rasuah, masalah sosial dan sebagainya; lebih bersikap positif di dalam menangani rasuah, elakkan dari mementingkan diri sendiri dan anggaplah apa yang dilakukan adalah demi untuk kepentingan agama, bangsa dan negara; pembangunan yang seimbang dan adil perlulah dicapai agar semua pihak dapat bersama-sama menyumbang kepada kesejahteraan negara; elakkan dari memberi atau menerima rasuah kerana pertama kali melakukannya akan membawa kepada kali kedua, ketiga dan seterusnya akan menjadi budaya hidup yang sukar untuk dibendung; pendidikan

agama perlu diperluaskan dan bukan sahaja meliputi hal dunia tetapi juga hal akhirat dalam usaha untuk melahirkan insan yang benar-benar bermoral dan mempunyai akhlak yang murni; amalkan gaya hidup sederhana; sebuah negara Islam yang tulen yang tidak akan mengasingkan soal politik dan pentadbiran negara; dan kempen anti rasuah, ceramah agama dan sebagainya tidak akan berguna sekiranya tiada kesedaran di dalam diri sendiri untuk tidak melakukan rasuah.

Bagi Abdul Samat Kasah (24/3/2003), sungguhpun kesalahan rasuah amat sukar untuk dibuktikan apatah lagi untuk dibentras sama sekali, maka beliau menyarankan agar: pegawai dan kakitangan awam tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menimbulkan salah sangka kepada orang ramai. Misalnya, menerima jemputan makan tengahari, menerima hadiah dan sebagainya dari orang perseorangan yang berkepentingan seperti kontraktor, penender dan sebagainya walaupun orang berkenaan mempunyai pertalian dengan pegawai awam tersebut. Anggota masyarakat pula sepatutnya tidak membuka peluang kepada berlakunya rasuah misalnya untuk memastikan urusan segera dilakukan, rasuah diberi kepada penjawat awam. Orang ramai yang berurusan dengan pejabat kerajaan pula perlulah membawa dokumen yang lengkap dan seterusnya memastikan urusan tersebut selesai dalam masa yang ditetapkan di dalam Piagam Pelanggan pejabat kerajaan berkenaan. Sekiranya tidak, mereka boleh membuat aduan kepada Biro Pengaduan Awam ataupun ketua jabatan berkenaan.

Bagi Rais Yatim (29/4/), mengenai usaha pencegahan rasuah di negara ini, perkara pertama ialah mestilah ada di dalam sistem pendidikan negara satu sukatan pelajaran yang membenci akan rasuah dan ini mestilah dibuat di peringkat awal sejarah persekolahan seseorang itu sehingga ia dewasa. Kes membenci terhadap rasuah juga semestinya terdapat di dalam sistem parti politik dan seterusnya kepada sistem perkhidmatan yang ada di negara ini. Setiap sukatan perkhidmatan awam, setiap pemimpin yang hendak menjadi menteri dan

setiap orang yang hendak memegang jawatan tinggi mestilah lulus ujian membenci rasuah. Dengan itu barulah selesai rasuah di negara ini. Pada masa sekarang, sikap membenci rasuah masih lagi tidak ada di dalam sukanan pelajaran walaupun agama kita ada mencegahnya, tetapi kita tidak buat atau tidak mengamalkannya. Sekadar kempen tidak akan berguna kerana dalam pencegahan rasuah, ia mestilah menerusi pendidikan dan asuhan, maka barulah rasuah akan hancur. Jika tidak, kita akan berterusan meghadapi masalah ini sampai bila-bilapun.

Usaha kedua yang boleh dibuat menurut beliau untuk mencegah rasuah ialah dengan mengemaskan sistem penguatkuasaan. Sekiranya anggota penguatkuasa sendiri yang rasuah, maka bagaimana hendak dicegah rasuah dari berlaku. Inilah yang perlu diambil perhatian serius dan kalau boleh dipantau aktiviti anggota penguatkuasa berkenaan. Ketegasan di dalam penguatkuasaan undang-undang juga penting agar tidak dikatakan 'memilih bulu' dan sebagainya. Selain itu, seseorang juga mesti mengambil inisiatif sendiri agar membenci rasuah, misalnya tidak mengambil hak orang lain, tidak salahguna kuasa, elakkan dari memberi hadiah dan sebagainya kepada seseorang yang mempunyai kuasa sehingga boleh membawa kepada salah sangka atau salah tanggapan dari orang sekeliling, dan sebagainya. Misalnya mendapatkan sokongan menteri untuk masuk universiti juga boleh dianggap sebagai rasuah tetapi jika tidak ditolong, maka ia langsung tiada peluang untuk masuk universiti khasnya bagi anak orang-orang kampung. Persoalannya sekarang, untuk mencegah rasuah, aktiviti yang sedemikian perlu diberhentikan. Jika ditinjau di Singapura, pencegahan rasuah mereka adalah lebih berjaya berbanding di Malaysia. Ini menunjukkan kerajaan Singapura mempunyai *political will* yang tinggi. Walau apapun, untuk menghapuskan politik rasuah, salahguna kuasa dan sebagainya, maka serahkanlah tugas tersebut kepada BPR untuk diambil tindakan selanjutnya dan bukan diambil tindakan sendiri kerana jika ini berlaku, sampai kiamat pun kes itu tidak akan selesai.